



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 254

AKTA HAD MASA 1953

Sebagaimana pada 1 Mei 2013

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, bagi Limitation Act 1953. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

AKTA HAD MASA 1953

Pertama kali diperbuat 1953 (P.T.M. Ordinan No. 4
tahun 1953)

Disemak 5 Februari 1981

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 254

AKTA HAD MASA 1953

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kecualian bagi enakmen had masa lain
4. Had masa tidak akan bertindak sebagai halangan melainkan dirayu secara khas

BAHAGIAN II

5. Bahagian II adalah tertakluk kepada peruntukan Bahagian III.

TINDAKAN MENGENAI KONTRAK DAN TORT DAN TINDAKAN LAIN YANG TERTENTU

6. Had masa tindakan mengenai kontrak dan tort dan tindakan lain yang tertentu
7. Had masa dalam hal konversi berturutan dan penghapusan hakmilik pemunya bagi barang-barang yang dikonversikan
8. Had masa bagi tindakan tertentu mengenai perkara hasil

TINDAKAN UNTUK MENDAPAT KEMBALI TANAH DAN SEWA

9. Had masa tindakan untuk mendapat kembali tanah
10. Hak tuntutan terakru dalam hal kepentingan yang ada sekarang dalam tanah

Seksyen

11. Hak tindakan terakru dalam hal kepentingan masa depan dalam tanah
12. Peruntukan dalam hal tanah yang diselesaikan dan tanah yang dipegang atas amanah
13. Hak tindakan terakru dalam hal penyewaan tertentu
14. Hak tindakan terakru dalam hal pelucuthakan atau pelanggaran syarat
15. Hak tindakan tidak terakru atau berterusan melainkan jika terdapat pemilikan bertentangan
16. Had masa tindakan penebusan
17. Tiada apa-apa hak tindakan boleh dikekalkan dengan kemasukan formal atau tuntutan berterusan
18. Hak orang yang tidak mempunyai milikan terhapus
19. Tuntutan pentadbir hendaklah ditarikahkan pada tarikh kematian
20. Had masa tindakan untuk mendapatkan sewa

TINDAKAN UNTUK MENDAPAT KEMBALI WANG YANG
DICAGARKAN GADAI JANJI ATAU GADAIAN ATAU
UNTUK MENDAPAT KEMBALI HASIL JUALAN TANAH

21. Had masa tindakan untuk mendapatkan kembali wang yang dicagarkan oleh gadai janji atau gadaian atau untuk mendapatkan kembali hasil jualan tanah

TINDAKAN BERKENAAN DENGAN HARTA AMANAH
ATAU HARTA PUSAKA PERIBADI KEPUNYAAN
ORANG YANG MATI

22. Had masa tindakan berkenaan dengan harta amanah
23. Had masa tindakan bagi menuntut harta pusaka peribadi kepunyaan orang yang mati

BAHAGIAN III

24. Pelanjutan tempoh had masa dalam hal ketidakupayaan
25. Pelanjutan tempoh had masa jika penghutang mentadbir harta pusaka pemiutangnya

Seksyen

26. Tindakan terakru baru atas pengakuteraan atau pembayaran sebahagian
27. Peruntukan formal mengenai pengakuteraan dan pembayaran sebahagian
28. Kesan pengakuteraan atau pembayaran sebahagian ke atas orang yang lain daripada pembuat atau penerima
29. Penangguhan tempoh had masa dalam hal fraud atau kesilapan

BAHAGIAN IV

30. Pemakaian Akta dan enakmen had masa lain bagi timbang tara
31. Peruntukan mengenai tolakan atau tuntutan balas
32. Akuiesens
33. Pemakaian terhadap Kerajaan
34. Peruntukan mengenai tindakan yang sudah terhalang atau belum selesai
35. Pemansuhan
36. (*Ditinggalkan*)

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 254

AKTA HAD MASA 1953

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi had masa tindakan dan timbang tara.

[19 Februari 1953]

BAHAGIAN I

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Had Masa 1953.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“amanah” dan “pemegang amanah” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*].

“estet peribadi” dan “harta peribadi” tidak termasuk tanah atau catel real;

“Semenanjung Malaysia” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] dan termasuk Wilayah Persekutuan;

“sewa” termasuklah tanggungan sewa dan perkhidmatan sewa;

“tanah” termasuklah benda yang terlekat pada bumi atau yang terpasang dengan kekal pada sesuatu yang melekat pada bumi, tanggungan sewa dan apa-apa estet di sisi undang-undang atau ekuiti atau kepentingan mengenai tanah, termasuk sesuatu kepentingan mengenai hasil jualan tanah yang dipegang atas amanah untuk dijual tetapi kecuali sebagaimana tersebut dahulu tidak meliputi apa-apa hak lalu-lalang, isemen, servitud, keuntungan atas atau mengenai tanah, atau hak dari jenis isemen, servitud atau keuntungan atas atau mengenai tanah, atau apa-apa hereditament tidak zahir lain;

“tanggungan sewa” ertinya apa-apa anuiti atau bayaran wang berkala yang dipertanggungkan ke atas atau yang kena dibayar bagi tanah kecuali perkhidmatan sewa atau bunga atas gadai janji atau gadaian tanah atau sewa yang kena dibayar kepada Kerajaan Negeri berkenaan dengan pemberian atau pajakan atau pemberi milikan tanah Kerajaan;

“tindakan” termasuklah guaman atau apa-apa prosiding lain di mahkamah.

(2) Bagi maksud Akta ini, seseorang itu hendaklah disifatkan sebagai tidak berkeupayaan semasa dia seorang kanak-kanak atau tidak sempurna akal.

(3) Seseorang itu hendaklah disifatkan sebagai menuntut melalui seorang lain, jika dia berhak mendapat hak yang dituntut itu oleh, melalui, di bawah, atau dengan tindakan orang lain itu:

Dengan syarat bahawa seseorang yang berhak mendapat apa-apa harta atau kepentingan menurut suatu kuasa khas perlantikan tidak boleh disifatkan sebagai menuntut melalui pelantik itu.

(4) Dalam Akta ini sebutan mengenai hak tindakan untuk mendapat kembali tanah hendaklah termasuk sebutan mengenai hak untuk mengambil milik tanah itu atau dalam hal tanggungan sewa apa-apa hak untuk menahan harta bagi mendapatkan tunggakan sewa dan sebutan mengenai pembawaan apa-apa tindakan sedemikian hendaklah meliputi sebutan mengenai pengambilan milik atau penahanan itu.

(5) Dalam Akta ini sebutan mengenai pemilikan tanah hendaklah, dalam hal tanggungan sewa, ditafsirkan sebagai sebutan

mengenai penerimaan sewa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai penerimaan sewa, dan sebutan mengenai tarikh perlucutan pemilikan atau pemberhentian pemilikan tanah hendaklah, dalam hal tanggungan sewa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh penerimaan sewa yang terakhir;

(6) Dalam Bahagian III Akta ini sebutan mengenai hak tindakan hendaklah termasuk sebutan mengenai kausa tindakan dan hak untuk menerima wang yang bercagarkan gadai janji atau gadaian atas mana-mana harta atau untuk mendapatkan hasil jualan tanah, dan hak untuk menerima sesuatu bahagian atau kepentingan dalam harta pusaka peribadi kepunyaan orang yang mati; dan sebutan mengenai tarikh terakrunya sesuatu hak tindakan hendaklah—

- (a) dalam hal tindakan untuk sesuatu akaun, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh berbangkitnya perkara yang berkenaan dengannya akaun itu dituntut;
- (b) dalam hal tindakan ke atas suatu penghakiman, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh penghakiman itu boleh dikuatkuasakan;
- (c) dalam hal tindakan untuk mendapat kembali tunggakan sewa atau bunga, atau ganti rugi berkenaan dengannya, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh sewa atau bunga itu kena dibayar.

Kecualian bagi enakmen had masa lain

3. Akta ini tidak terpakai bagi apa-apa tindakan atau timbang tara yang tempoh had masanya ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis lain atau bagi apa-apa tindakan atau timbang tara yang mana Kerajaan atau Kerajaan Negeri menjadi pihak dan yang jika ia di antara rakyat tempoh had masanya sepatutnya telah ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Had masa tidak akan berkuat kuasa sebagai halangan melainkan jika dirayu dengan khasnya

4. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh berkuat kuasa sebagai halangan bagi suatu tindakan melainkan jika Akta ini telah dirayukan dengan nyata sebagai pembelaan terhadapnya dalam apa-apa hal di mana mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan prosedur sivil yang sedang berkuat kuasa pembelaan itu dikehendaki supaya dirayukan.

BAHAGIAN II**Bahagian II adalah tertakluk kepada peruntukan Bahagian III**

5. Peruntukan dalam Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan dalam Bahagian III Akta ini.

**TINDAKAN MENGENAI KONTRAK DAN TORT DAN
TINDAKAN LAIN YANG TERTENTU****Had masa tindakan mengenai kontrak dan tort dan tindakan lain yang tertentu**

6. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini, tindakan berikut tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh kausa tindakan itu terakru, iaitu—

- (a) tindakan yang berasaskan kontrak atau tort;
- (b) tindakan untuk menguatkuasakan suatu ikatan;
- (c) tindakan untuk menguatkuasakan suatu award ;
- (d) tindakan untuk mendapat kembali apa-apa jumlah wang menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis selain daripada penalti atau pelucuthakan atau sejumlah wang sebagai penalti atau pelucuthakan.

(2) Sesuatu tindakan untuk akaun tidak boleh dibawa berkeñaan dengan apa-apa perkara yang berbangkit lebih daripada enam tahun sebelum tindakan itu bermula.

(3) Sesuatu tindakan ke atas apa-apa penghakiman tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh dua belas tahun dari tarikh penghakiman itu boleh dikuatkuasakan dan tiada apa-apa tunggakan bunga mengenai apa-apa hutang penghakiman boleh didapatkan kembali selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh bunga itu kena dibayar.

(4) Sesuatu tindakan untuk mendapatkan bayaran penalti atau pelucuthakan atau sejumlah wang sebagai penalti atau pelucuthakan yang boleh didapatkan menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh satu tahun dari tarikh kausa tindakan itu terakru:

Dengan syarat bahawa bagi maksud subseksyen ini ungkapan “penalti” tidaklah termasuk denda yang boleh dikenakan pada seseorang apabila disabitkan dengan kesalahan jenayah.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini terpakai bagi—

- (a) apa-apa kausa tindakan di dalam bidang kuasa Admiralti Mahkamah Tinggi yang boleh dikuatkuasakan *in rem* selain daripada tindakan untuk mendapatkan bayaran gaji pelaut-pelaut, atau
- (b) apa-apa tindakan untuk mendapat wang yang bercagarkan sesuatu gadai janji atau gadaian ke atas tanah atau harta peribadi.

(6) Tertakluk kepada seksyen 22 dan 32 Akta ini peruntukan seksyen ini terpakai (jika perlu dengan cara analogi) bagi semua tuntutan untuk pelaksanaan spesifik suatu kontrak atau bagi suatu injuksi atau bagi apa-apa relif saksama lain sama ada ia berasaskan apa-apa kontrak atau tort atau apa-apa amanah atau alasan ekuiti.

Had masa dalam hal konversi berturutan dan penghapusan hakmilik pemunya bagi barang yang dikonversikan

7. (1) Jika apa-apa kausa tindakan berkenaan dengan konversi atau penahanan salah catel telah terakru kepada mana-mana orang dan sebelum dia mendapat kembali pemilikan catel itu, suatu konversi atau penahanan salah selanjutnya berlaku, tiada apa-apa tindakan boleh dibawa berkenaan dengan konversi atau penahanan selanjutnya selepas tamatnya tempoh enam tahun daripada terakrunya kausa tindakan berkenaan dengan konversi dan penahanan yang asal itu.

(2) Jika sesuatu kausa tindakan itu telah terakru kepada mana-mana orang dan tempoh yang ditetapkan bagi membawa tindakan itu dan bagi membawa apa-apa tindakan berkenaan dengan konversi atau penahanan salah selanjutnya yang tersebut dahulu telah tamat dan dalam tempoh itu dia masih belum lagi mendapat kembali pemilikan catel itu, maka haknya terhadap catel itu adalah terhapus.

Had masa bagi tindakan tertentu mengenai perkara hasil

8. Sesuatu tindakan—

- (a) untuk mengetepikan apa-apa jualan menurut perintah Pemungut atau mana-mana pegawai hasil lain;
- (b) untuk mengetepikan apa-apa jualan bagi mendapatkan tunggakan hasil Kerajaan atau hasil Negeri atau bagi mendapatkan bayaran apa-apa tuntutan yang boleh didapatkan sebagai tunggakan sedemikian;
- (c) untuk mengetepikan apa-apa penahanan, pajakan, atau pemindahan sesuatu harta tak alih oleh pihak berkuasa hasil bagi mendapatkan tunggakan hasil Kerajaan atau Negeri;
- (d) terhadap Kerajaan atau Kerajaan mana-mana Negeri untuk mendapatkan kembali wang yang dibayar dengan protes bagi menyelesaikan sesuatu tuntutan yang dibuat oleh pihak berkuasa hasil oleh sebab tunggakan hasil atau oleh

sebab tuntutan yang boleh didapatkan sebagai tunggakan sedemikian,

tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh satu tahun dari tarikh jualan itu disahkan atau selainnya telah menjadi terakhir atau muktamad sekiranya tindakan itu tidak dibawa atau apabila penahanan itu terhenti atau pemindahan atau bayaran dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

TINDAKAN UNTUK MENDAPAT KEMBALI TANAH DAN SEWA

Had masa tindakan untuk mendapat kembali tanah

9. (1) Tiada apa-apa tindakan untuk mendapatkan kembali tanah boleh dibawa oleh mana-mana orang selepas tamatnya tempoh dua belas tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru kepadanya, atau jika hak tindakan itu mula-mulanya terakru kepada seseorang yang melaluinya dia menuntut, dari tarikh hak tindakan itu terakru kepada orang itu.

(2) Tiada apa-apa dalam seksyen ini atau dalam subseksyen 11 (2) Akta ini boleh disifatkan sebagai menyentuh peruntukan Akta Prosiding Kerajaan 1956 [*Akta 359*], atau Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 [*Akta 518*], atau terpakai—

- (a) kepada Raja sesuatu Negeri, berkenaan dengan tanah Kerajaan atau tanah yang dirizabkan bagi maksud awam yang terletak di dalam Negeri itu; atau
- (b) bagi mana-mana orang yang didaftarkan di bawah atau menurut kuasa peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], atau Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, sebagai tuan punya tanah yang hendak didapatkan kembali itu, atau kepada mana-mana orang yang menuntut melalui orang yang didaftarkan sedemikian, kecuali setakat yang diperuntukkan atau dibenarkan oleh Kanun atau Akta itu.

Hak tuntutan terakru dalam hal kepentingan yang ada sekarang dalam tanah

10. (1) Jika orang yang membawa sesuatu tindakan untuk mendapat kembali tanah atau mana-mana yang melaluinya dia menuntut telah pun memiliki tanah itu dan pemilikannya telah dlucutkan atau diberhentikan semasa dia masih berhak terhadapnya, maka hak tindakan hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh perlucutan atau pemberhentian pemilikan itu.

(2) Jika mana-mana orang membawa sesuatu tindakan untuk mendapat kembali mana-mana tanah kepunyaan orang yang mati sama ada di bawah wasiat atau tidak berwasiat dan orang yang mati itu memiliki tanah itu pada tarikh kematiannya dan ialah orang terakhir yang berhak mendapat tanah itu yang mempunyai milikan ke atasnya, kausa tindakan hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh kematiannya.

(3) Jika mana-mana orang membawa sesuatu tindakan untuk mendapat kembali tanah, yang merupakan estet atau kepentingan dalam pemilikan yang dijamin dengan cara lain daripada wasiat kepadanya, atau kepada beberapa orang yang melaluinya dia menuntut, oleh seseorang yang, pada tarikh jaminan itu mula berkuat kuasa, memiliki tanah itu, atau dalam hal tanggungan sewa yang diwujudkan oleh jaminan itu, memiliki tanah yang digadaikan itu, dan tiada mana-mana orang telah memiliki tanah itu menurut jaminan itu, hak tindakan hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh jaminan itu mula berkuat kuasa.

(4) Sesuatu hak tindakan untuk mendapat kembali tanah oleh kerana pelucuthakan atau pelanggaran syarat hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh berlakunya pelucuthakan atau pelanggaran syarat itu:

Dengan syarat bahawa, jika hak itu telah terakru kepada seseorang yang berhak mendapat estet atau kepentingan kembalian atau bakian dan tanah itu tidak didapatkan kembali menurutnya, hak tindakan untuk mendapat kembali tanah itu tidak boleh disifatkan sebagai telah terakru kepada orang itu sehingga estet atau kepentingan itu jatuh ke dalam milik, seolah-olah tiada apa-apa pelucuthakan atau pelanggaran syarat sedemikian telah berlaku.

Hak tindakan terakru dalam hal kepentingan masa depan mengenai tanah

11. (1) Tertakluk kepada apa-apa yang diperuntukkan kemudiannya dalam seksyen ini, hak tindakan untuk mendapat kembali mana-mana tanah hendaklah, dalam hal di mana estet atau kepentingan yang dituntut itu adalah suatu estet atau kepentingan kembalian atau bakian atau mana-mana estet atau kepentingan masa depan yang lain dan tiada seorang pun telah mengambil milik tanah itu menurut estet atau kepentingan yang dituntut, disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh estet atau kepentingan itu jatuh ke dalam milik apabila tamatnya estet atau kepentingan terdahulu itu.

(2) Jika orang yang berhak mendapat estet atau kepentingan terdahulu itu yang bukannya untuk tempoh beberapa tahun yang mutlak, tidak memiliki tanah itu pada tarikh tamatnya estet atau kepentingan tersebut, tiada apa-apa tindakan boleh dibawa oleh orang yang berhak mendapat estet atau kepentingan kemudiannya selepas tamatnya tempoh dua belas tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru kepada orang yang berhak mendapat estet atau kepentingan terdahulu itu, atau enam tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru kepada orang yang berhak mendapat estet atau kepentingan kemudiannya itu, mengikut mana yang terkemudian tamat tempohnya.

(3) Tiada seorang pun boleh membawa tindakan untuk mendapatkan apa-apa estet atau kepentingan mengenai tanah di bawah sesuatu jaminan yang mula berkuat kuasa selepas hak tindakan untuk mendapat kembali tanah itu telah terakru kepada orang yang membuat jaminan itu atau orang yang melaluinya dia menuntut atau orang yang berhak mendapat estet atau kepentingan terdahulu itu, melainkan tindakan itu dibawa dalam tempoh masa yang semasa orang yang membuat jaminan itu sepatutnya membawa tindakan tersebut.

(4) Jika mana-mana orang berhak kepada apa-apa estet atau kepentingan dalam tanah yang dimiliki dan, semasa berhak sedemikian, dia juga berhak mendapat apa-apa estet atau kepentingan masa depan mengenai tanah tersebut, dan haknya untuk mendapat kembali estet atau kepentingan yang dimiliki itu dihalang di bawah Akta ini, tiada apa-apa tindakan boleh dibawa oleh orang itu, atau oleh mana-mana orang yang menuntut melaluinya, berkenaan dengan estet atau kepentingan masa depan itu, melainkan jika dalam pada itu

pemilikan tanah itu telah didapat kembali oleh seseorang yang berhak kepada estet atau kepentingan perantaraan.

Peruntukan mengenai tanah yang diselesaikan dan tanah yang dipegang atas amanah

12. (1) Tertakluk kepada subseksyen 22 (1) Akta ini, peruntukan Akta ini adalah terpakai bagi kepentingan ekuiti mengenai tanah, termasuk kepentingan dalam hasil jualan tanah yang dipegang atas amanah untuk jualan, sama caranya sebagaimana terpakai bagi estet di sisi undang-undang, dan oleh demikian itu sesuatu hak tindakan untuk mendapat kembali tanah hendaklah, bagi maksud Akta ini tetapi tidak selainnya, disifatkan sebagai terakru kepada seseorang yang berhak mendapat pemilikan terhadap kepentingan ekuiti itu sama cara dan keadaannya dan pada tarikh yang sama sebagaimana sepatutnya terakru jika kepentingannya itu adalah estet di sisi undang-undang mengenai tanah.

(2) Jika mana-mana tanah dipegang atas amanah termasuk suatu amanah untuk jualan, dan tempoh yang ditetapkan oleh Akta ini (jika ada) bagi pemegang amanah membawa tindakan untuk mendapat kembali tanah itu telah tamat, estet pemegang amanah itu tidak boleh dihapuskan jika dan selagi hak tindakan untuk mendapat kembali tanah itu bagi mana-mana orang yang berhak mendapat sesuatu kepentingan benefisial mengenai tanah itu atau mengenai hasil jualannya sama ada belum lagi terakru atau belum lagi dihalang oleh Akta ini, tetapi jika dan apabila setiap hak tindakan itu telah dihalang demikian, maka estet pemegang amanah itu adalah terhapus.

(3) Jika mana-mana tanah dipegang atas amanah, termasuk amanah untuk jualan, suatu tindakan untuk mendapat kembali tanah itu boleh dibawa oleh pemegang amanah bagi pihak mana-mana orang yang berhak mendapat kepentingan benefisial terhadap pemilikan tanah itu atau terhadap hasil jualan yang hak tindakannya masih belum dihalang oleh Akta ini, walaupun hak tindakan pemegang amanah itu akan dihalang oleh Akta ini, jika tidak kerana peruntukan ini.

(4) Jika mana-mana tanah yang dipegang atas amanah untuk jualan adalah dalam milikan seseorang yang berhak kepada kepentingan benefisial terhadap tanah itu atau terhadap hasil

jualannya, yang bukannya orang yang berhak mendapat kepentingan atau hak itu secara tunggal dan dengan mutlaknya, bagi maksud Akta ini tiada apa-apa hak tindakan untuk mendapat kembali tanah itu boleh disifatkan sebagai terakru dalam tempoh pemilikan itu kepada mana-mana orang yang padanya tanah itu diletakhakkan sebagai pemegang amanah, atau kepada mana-mana orang yang berhak kepada kepentingan benefisial terhadap tanah atau dalam hasil jualan.

Hak tindakan terakru dalam hal sewaan tertentu

13. (1) Sesuatu sewaan dengan kehendak hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan sebagai telah ditamatkan apabila tamatnya tempoh satu tahun dari tarikh sewaan itu mula berkuat kuasa, melainkan ia telah ditamatkan terlebih dahulu, dan dengan itu hak tindakan bagi orang yang berhak mendapat tanah yang tertakluk kepada sewaan itu hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh penamatan tersebut.

(2) Suatu sewaan dari setahun ke setahun atau mengikut tempoh masa lain, tanpa pajakan secara bertulis, hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan sebagai telah ditamatkan apabila tamatnya tempoh tahun yang pertama atau tempoh masa lain itu, dan dengan itu hak tindakan bagi orang yang berhak kepada tanah yang tertakluk kepada sewaan itu hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh penetapan tersebut.

(3) Jika apa-apa sewa berkenaan dengan sesuatu sewaan telah diterima selepas tamatnya tempoh sewaan tersebut, maka hak tindakan hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh penerimaan sewa itu yang terakhir.

(4) Jika mana-mana orang memiliki tanah menurut suatu pajakan secara bertulis dengan sewa yang tidak kurang daripada sepuluh ringgit dirizabkan, dan sewa itu diterima oleh beberapa orang yang dengan salahnya menuntut sebagai berhak mendapat kembalian tanah yang akan diperoleh sebaik sahaja pajakan itu tamat, dan tiada apa-apa sewa kemudiannya diterima oleh orang yang dengan sahnyanya berhak sedemikian, maka hak tindakan bagi orang yang terakhir dinamakan itu untuk mendapat kembali tanah tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh sewa itu mula-mulanya

diterima oleh orang yang dengan salahnya menuntut yang tersebut dahulu dan tidak pada tarikh tamatnya pajakan itu.

(5) Seksyen ini tidak terpakai bagi apa-apa sewaan dengan kehendak atau pajakan yang diberi oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri atau oleh Kerajaan atau Kerajaan mana-mana Negeri.

Hak tindakan terakru dalam hal pelucuthakan atau pelanggaran syarat

14. Suatu hak tindakan untuk mendapat kembali tanah oleh sebab pelucuthakan atau pelanggaran syarat hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada tarikh pelucuthakan atau berlaku pelanggaran syarat itu:

Dengan syarat bahawa, sekiranya hak itu telah terakru kepada seseorang yang berhak mendapat estet atau kepentingan kembalian atau bakian dan tanah itu tidak didapatkan kembali menurutnya, hak tindakan untuk mendapat kembali tanah itu tidak boleh disifatkan sebagai telah terakru kepada orang itu sehingga estet atau kepentingannya jatuh dalam milik, seolah-olah tiada apa-apa lucuthak atau pelanggaran syarat sedemikian telah berlaku.

Hak tindakan tidak terakru atau berterusan melainkan jika terdapat pemilikan bertentangan

15. (1) Tiada apa-apa hak tindakan untuk mendapat kembali tanah boleh disifatkan sebagai terakru melainkan jika tanah itu berada dalam milik orang yang mendapat faedah daripada perjalanan tempoh had masa itu (kemudian daripada ini dalam seksyen ini disebut sebagai “pemilikan bertentangan”) dan jika di bawah peruntukan yang tersebut dahulu dalam Akta ini sesuatu hak tindakan itu disifatkan telah terakru pada sesuatu tarikh tertentu dan tiada seorang pun mempunyai pemilikan bertentangan pada tarikh itu, maka hak tindakan itu tidak boleh disifatkan sebagai telah terakru melainkan jika dan sehingga tanah itu berada dalam pemilikan bertentangan.

(2) Jika hak tindakan untuk mendapat kembali tanah telah terakru dan kemudiannya, sebelum hak itu dihalang, tanah tersebut tidak lagi berada dalam pemilikan bertentangan, hak tindakan itu tidak lagi boleh disifatkan sebagai telah terakru dan tiada apa-apa hak tindakan

baru boleh disifatkan sebagai terakru melainkan dan sehingga tanah itu berada semula dalam pemilikan bertentangan.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) pemilikan mana-mana tanah yang tertakluk kepada suatu tanggungan sewa oleh seseorang (selain daripada orang yang berhak mendapat tanggungan sewa itu) yang tidak membayar sewa boleh disifatkan sebagai pemilikan bertentangan bagi tanggungan sewa itu; dan
- (b) penerimaan sewa di bawah sesuatu pajakan oleh seseorang yang dengan salahnya menuntut, mengikut seksyen 13 (4) Akta ini, kembalian tanah itu hendaklah disifatkan sebagai pemilikan bertentangan tanah itu.

Had masa tindakan penebusan

16. Apabila seorang pemegang gadai janji tanah yang memiliki mana-mana tanah yang digadai janji itu bagi tempoh dua belas tahun, tiada apa-apa tindakan untuk menebus tanah yang dimiliki oleh pemegang gadai janji itu boleh dibawa selepas tempoh tersebut oleh penggadai janji atau mana-mana orang yang menuntut melaluinya:

Dengan syarat bahawa jika seorang pemegang gadai janji memiliki oleh sebab gadai janji itu mana-mana tanah yang digadai janji dan sama ada menerima apa-apa jumlah wang mengenai wang pokok atau bunga bagi hutang gadai janji itu atau mengakui menurut peruntukan seksyen 27 Akta ini hakmilik penggadai janji itu, atau hak ekuitinya untuk menebus, tindakan untuk menebus tanah yang dimilikinya itu boleh dibawa pada bila-bila masa sebelum tamatnya tempoh dua belas tahun dari tarikh pembayaran atau akuan itu.

Tiada apa-apa hak tindakan boleh dikekalkan dengan kemasukan formal atau tuntutan berterusan

17. Bagi maksud Akta ini, tiada seorang pun boleh disifatkan sebagai memiliki mana-mana tanah hanya oleh sebab dia telah memasuki tanah itu secara formal, dan tiada apa-apa tuntutan berterusan atau tuntutan lain terhadap atau hampir dengan

mana-mana tanah boleh mengekalkan apa-apa hak tindakan untuk mendapat kembali tanah itu.

Hak orang yang tidak mempunyai milikan adalah terhapus

18. Pada masa penamatan tempoh yang dihadkan oleh Akta ini bagi mana-mana orang membawa suatu tindakan untuk mendapat kembali tanah hak dan hakmilik orang tersebut kepada tanah itu bagi mendapatkannya sesuatu tindakan mungkin telah dibawa dalam tempoh tersebut, adalah terhapus.

Tuntutan pentadbir hendaklah ditarikhkan ke belakang pada tarikh kematian

19. Bagi maksud peruntukan Akta ini berhubungan dengan tindakan untuk mendapat kembali tanah seseorang pentadbir harta pusaka orang yang mati hendaklah disifatkan sebagai menuntut seolah-olah tidak ada suatu lat tempoh masa di antara kematian orang yang mati dan pemberian surat kuasa mentadbir itu.

Had masa tindakan untuk mendapat kembali sewa

20. Tiada apa-apa tindakan boleh dibawa, atau distress boleh dibuat, untuk mendapatkan kembali tunggakan sewa, atau ganti rugi berkenaan dengannya, selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh tunggakan itu kena dibayar.

**TINDAKAN UNTUK MENDAPAT KEMBALI WANG YANG
DICAGARKAN GADAI JANJI ATAU GADAIAN ATAU UNTUK
MENDAPAT KEMBALI HASIL JUALAN TANAH**

**Had masa tindakan untuk mendapat kembali wang yang
dicagarkan gadai janji atau gadaian atau untuk mendapat hasil
jualan tanah**

21. (1) Tiada apa-apa tindakan boleh dibawa untuk mendapat kembali apa-apa jumlah wang pokok yang bercagarkan sesuatu gadai janji atau gadaian lain ke atas tanah atau harta peribadi atau untuk menguatkuasakan gadai janji atau gadaian itu, atau untuk mendapat

kembali hasil jualan tanah atau harta sendiri selepas tamatnya tempoh dua belas tahun dari tarikh hak untuk menerima wang itu terakru.

(2) Tiada apa-apa tindakan halang tebus berkenaan dengan harta peribadi yang digadai janji boleh dibawa selepas tamatnya tempoh dua belas tahun dari tarikh hak haling-tebus itu terakru:

Dengan syarat bahawa, sekiranya selepas tarikh tersebut pemegang gadai janji itu dengan milikan harta yang digadai janji itu, hak untuk menghalang tebus harta yang ada dalam miliknya itu tidak boleh, bagi maksud subseksyen ini, disifatkan sebagai telah terakru sehingga tarikh pemilikannya ditamatkan.

(3) Hak untuk menerima apa-apa jumlah wang pokok yang bercagarkan suatu gadai janji atau gadaian lain dan hak untuk menghalang-tebus harta yang tertakluk kepada gadai janji atau gadaian itu tidak boleh disifatkan sebagai terakru selagi harta itu terdiri daripada apa-apa kepentingan masa depan atau apa-apa polisi insurans nyawa yang masih belum cukup tempoh matangnya atau belum ditamatkan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen terdahulu daripada seksyen ini boleh dipakai bagi tindakan halang tebus berkenaan dengan tanah yang digadai janji tetapi peruntukan Akta ini berhubungan dengan tindakan untuk mendapat kembali tanah hendaklah terpakai bagi tindakan sedemikian.

(5) Tiada apa-apa tindakan untuk mendapat kembali tunggakan bunga yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang bercagarkan suatu gadai janji atau gadaian lain atau yang kena dibayar berkenaan dengan hasil jualan tanah, atau bagi mendapat kembali ganti rugi berkenaan dengan tunggakan tersebut boleh dibawa selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh bunga itu kena dibayar:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika penerima gadai janji atau pembeban lain yang terdahulu telah pun memiliki harta yang digadai janji atau digadai itu, dan suatu tindakan dibawa dalam masa satu tahun dari tamatnya pemilikan itu oleh pembeban

kemudiannya, dia boleh melalui tindakan itu mendapat kembali semua tunggakan bunga yang kena dibayar dalam tempoh pemilikan pembeban terdahulu atau ganti rugi berkenaan dengannya, walaupun tempoh itu melebihi enam tahun;

- (b) jika harta yang tertakluk kepada gadai janji atau gadaian itu terdiri daripada apa-apa kepentingan masa depan atau polisi insurans nyawa dan adalah suatu terma gadai janji atau gadaian itu bahawa tunggakan bunga akan dikira sebagai sebahagian daripada jumlah wang pokok yang bercagarkan gadai janji atau gadaian itu, bunga tidak boleh disifatkan sebagai kena dibayar sebelum hak untuk menerima jumlah wang pokok itu terakru atau disifatkan telah terakru.

(6) Seksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana gadai janji atau gadaian suatu kapal.

TINDAKAN BERKENAAN DENGAN HARTA AMANAH ATAU HARTA PUSAKA PERIBADI KEPUNYAAN ORANG YANG MATI

Had masa tindakan berkenaan dengan harta amanah

22. (1) Tiada apa-apa tempoh had masa yang ditetapkan oleh Akta ini boleh dipakai bagi sesuatu tindakan oleh benefisiari di bawah suatu amanah, yang merupakan tindakan—

- (a) berkenaan dengan apa-apa fraud atau pecah amanah fraudan yang pemegang amanah itu menjadi pihak atau mengambil bahagian; atau
- (b) bagi mendapat kembali daripada pemegang amanah harta amanah atau hasil jualannya yang ada dalam milikan pemegang amanah itu, atau yang diterima dahulunya oleh pemegang amanah itu dan telah disalahgunakan untuk kegunaan sendiri.

(2) Tertakluk kepada peruntukan yang tersebut dahulu, sesuatu tindakan oleh seseorang benefisiari untuk mendapat kembali harta amanah atau berkenaan dengan apa-apa pecah amanah, yang

bukannya suatu tindakan yang tempoh had masanya ditetapkan oleh mana-mana peruntukan lain Akta ini, tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru:

Dengan syarat bahawa hak tindakan tidak boleh disifatkan sebagai telah terakru kepada mana-mana benefisiari yang berhak mendapat kepentingan masa depan di dalam harta amanah itu, sehingga kepentingan itu jatuh dalam milikan.

(3) Tiada seorang pun benefisiari yang terhadapnya ada pembelaan di bawah Akta ini boleh mendapat apa-apa faedah yang lebih atau faedah lain daripada penghakiman atau perintah yang diperoleh oleh mana-mana benefisiari lain daripada faedah yang boleh didapatinya jika dia telah membawa tindakan itu dan Akta ini dirayu dalam pembelaannya.

Had masa tindakan bagi menuntut harta pusaka peribadi kepunyaan orang yang mati

23. Tertakluk kepada subseksyen 22 (1) Akta ini, tiada apa-apa tindakan berkenaan dengan apa-apa tuntutan terhadap harta pusaka peribadi kepunyaan orang yang mati atau terhadap apa-apa bahagian atau kepentingan di dalam harta pusaka tersebut, sama ada di bawah suatu wasiat atau tidak berwasiat, boleh dibawa selepas tamatnya tempoh dua belas tahun dari tarikh hak menerima bahagian atau kepentingan itu terakru, dan tiada apa-apa tindakan untuk mendapat bayaran tunggakan bunga berkenaan dengan apa-apa legasi, atau ganti rugi berkenaan dengan tunggakan tersebut, boleh dibawa selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh bunga itu kena dibayar.

BAHAGIAN III

Pelanjutan tempoh had masa dalam hal ketidakupayaan

24. (1) Sekiranya pada tarikh terakrunya sesuatu hak tindakan yang tempoh had masanya ditetapkan oleh Akta ini, orang yang kepadanya hak tindakan itu terakru tak berdaya, maka tindakan itu boleh dibawa pada bila-bila masa sebelum tamatnya tempoh enam tahun, atau dalam hal tindakan yang subseksyen 6 (4) atau seksyen 8 Akta ini terpakai baginya, satu tahun dari tarikh orang itu tidak lagi

menanggung keupayaan atau mati, mengikut mana yang berlaku terdahulu, walaupun tempoh had masa itu telah tamat:

Dengan syarat bahawa dalam mana-mana hal yang peruntukan seksyen 29 Akta ini terpakai, subseksyen ini hendaklah terpakai seolah-olah tarikh dari mana tempoh had masa itu bermula digantikan dengan tarikh hak tindakan itu terakru.

(2) Jika pada tarikh itu mana-mana orang yang tersebut dalam subseksyen (1) seksyen ini menanggung dua ketidakupayaan atau jika sebelum ketidakupayaan yang ditanggungnya pada tarikh itu terhenti dia telah terjejas oleh ketidakupayaan yang lain maka bagi maksud seksyen ini dia hendaklah disifatkan sebagai terus berada dalam ketidakupayaan sehingga kedua-dua ketidakupayaan itu terhenti.

(3) Jika seorang daripada beberapa orang pemiutang bersama atau pihak menuntut menanggung ketidakupayaan sedemikian, dan jika suatu pelepasan boleh diberi tanpa memerlukan persetujuan orang itu, masa akan tetap berlalu terhadap kesemua mereka. Jika pelepasan itu tidak boleh diberi, masa tidak akan berlalu terhadap sesiapa jua di antara mereka sehingga kesemua orang itu tidak lagi menanggung ketidakupayaan atau sehingga salah seorang daripada mereka mampu memberi pelepasan tersebut tanpa memerlukan persetujuan daripada yang lainnya, mengikut mana yang berlaku terdahulu.

(4) Peruntukan-peruntukan terdahulu dalam seksyen ini hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada proviso berikut:

- (a) tiada apa-apa jua dalam peruntukan itu boleh menyentuh apa-apa hal di mana hak tindakan itu mula terakru kepada mana-mana orang yang tidak menanggung apa-apa ketidakupayaan yang melaluinya orang yang tidak berupaya itu menuntut;
- (b) apabila suatu hak tindakan yang telah pun terakru kepada seseorang yang tidak berupaya terakru, atas kematian orang itu ketika masih tidak berupaya, kepada orang tidak berupaya yang lain, tiada apa-apa pelanjutan masa seterusnya boleh dibenarkan atas alasan ketidakupayaan orang yang kedua itu;

- (c) tiada apa-apa tindakan untuk mendapat kembali tanah atau wang yang dipertanggungkan ke atas tanah yang tempoh had masanya ditetapkan di bawah Akta ini boleh dibawa menurut kuasa peruntukan seksyen ini oleh mana-mana orang selepas tamatnya tempoh tiga puluh tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru kepada orang itu atau kepada mana-mana orang yang melaluinya dia menuntut;
- (d) tiada apa-apa jua dalam peruntukan itu terpakai bagi apa-apa tindakan untuk mendapat kembali bayaran penalti atau pelucuthakan, atau sejumlah wang dengan cara itu, menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis, kecuali jika tindakan itu dibawa oleh pihak yang terkilan.

Pelanjutan tempoh had masa jika penghutang mentadbir harta pusaka pemiutangnya

25. Jika surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka kepunyaan pemiutang telah diberikan kepada penghutangnya, perjalanan masa yang ditetapkan bagi suatu tindakan untuk mendapat kembali bayaran hutang itu adalah tergantung sementara pentadbiran itu diteruskan.

Pengakuan tindakan baru atas akuan atau pembayaran sebahagian

26. (1) Jika didapati terakrunya apa-apa hak tindakan mendapat kembali tanah atau untuk menguatkuasakan suatu gadai janji atau gadaian berkenaan dengan tanah atau harta peribadi, dan—

- (a) orang yang memiliki tanah atau harta peribadi itu mengakui hakmilik orang yang kepadanya hak tindakan itu telah terakru; atau
- (b) dalam hal mana-mana tindakan oleh penggadai janji atau pemegang gadaian orang yang memiliki yang tersebut dahulu atau orang yang bertanggung terhadap hutang yang dicagarkan dengan gadai janji atau gadaian itu membuat apa-apa bayaran mengenainya, sama ada bayaran wang pokok atau bunganya,

hak itu hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada dan bukan sebelum tarikh pengakuan atau pembayaran terakhir.

(2) Jika apa-apa hak tindakan telah terakru bagi mendapat kembali apa-apa hutang atau apa-apa tuntutan wang yang tertentu jumlahnya, atau apa-apa tuntutan terhadap harta pusaka peribadi kepunyaan orang yang mati atau terhadap apa-apa bahagian atau kepentingan di dalamnya, dan orang yang bertanggungjawab atau bertanggungjawab terhadapnya mengakui tuntutan itu atau membuat apa-apa bayaran berkenaan dengannya, hak itu hendaklah disifatkan sebagai telah terakru pada dan bukan sebelum tarikh bayaran terakhir:

Dengan syarat bahawa bayaran sebahagian daripada sewa atau bunga yang kena dibayar pada bila-bila masa tidak boleh melanjutkan tempoh bagi menuntut baki sewa atau bunga yang kena dibayar pada masa itu, tetapi apa-apa bayaran bunga adalah mempunyai kesan, bagi maksud subseksyen ini sahaja, seolah-olah ia suatu bayaran bagi hutang pokok.

Peruntukan formal mengenai akuan dan pembayaran sebahagian

27. (1) Tiap-tiap akuan yang dirujuk dalam seksyen 26 atau dalam proviso kepada seksyen 16 Akta ini hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuat akuan itu.

(2) Apa-apa akuan atau pembayaran yang dirujuk dalam seksyen 26 atau dalam proviso kepada seksyen 16 Akta ini boleh dibuat oleh ejen orang yang dikehendaki membuatnya di bawah seksyen itu, dan hendaklah dibuat kepada orang itu, atau kepada ejen orang itu, yang diakui hakmilik atauuntutannya itu atau, mengikut mana yang berkenaan, yang mengenai tuntutan pembayaran itu dibuat.

Kesan akuan atau pembayaran sebahagian ke atas orang lain daripada pembuat atau penerima

28. (1) Bagi maksud Akta ini suatu akuan mengenai hakmilik mana-mana tanah, atau harta yang digadai janji atau digadaikan oleh mana-mana orang yang memilikinya hendaklah mengikat semua

orang lain yang memilikinya dalam tempoh had masa yang berikutan dengannya.

(2) Suatu pembayaran berkenaan dengan hutang yang bercagarkan gadai janji atau gadaian oleh penggadai janji atau mana-mana orang yang memiliki tanah atau harta peribadi yang digadai janji atau digadaikan itu hendaklah, setakat yang berkaitan dengan apa-apa hak pemegang gadai janji atau pemegang gadaian itu untuk menghalang tebus atau selainnya untuk mendapat kembali harta itu, mengikat semua orang lain yang dalam milikannya harta yang digadai janji itu dalam tempoh had masa yang berikutan dengannya.

(3) Jika terdapat dua orang atau lebih penggadai janji tanah atau harta peribadi dan hakmilik atau hak untuk menebus bagi seorang daripada penggadai janji itu diakui sebagaimana tersebut dahulu, akuan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat terhadap semua penggadai janji itu.

(4) Suatu akuan apa-apa hutang atau tuntutan lain yang tertentu jumlahnya hendaklah mengikat orang yang membuat akuan itu dan penggantinya tetapi tidak mana-mana orang lain:

Dengan syarat bahawa suatu akuan yang dibuat selepas tamatnya tempoh had masa yang ditetapkan bagi membawa sesuatu tindakan untuk mendapat kembali hutang atau tuntutan lain tidaklah mengikat mana-mana pengganti yang kepadanya liabiliti itu diturunkan atas penentuan estet atau kepentingan yang terdahulu mengenai harta di bawah sesuatu penyelesaian yang berkuat kuasa sebelum tarikh akuan itu.

(5) Pembayaran yang dibuat berkenaan dengan mana-mana hutang atau tuntutan wang lain yang tertentu jumlahnya hendaklah mengikat semua orang yang bertanggung berkecuali dengannya:

Dengan syarat bahawa suatu pembayaran yang dibuat selepas tamatnya tempoh had masa yang ditetapkan bagi membawa sesuatu tindakan untuk mendapat kembali hutang atau tuntutan lain tidaklah mengikat mana-mana orang selain daripada orang yang membuat pembayaran itu dan penggantinya, dan tidak mengikat mana-mana pengganti yang kepadanya liabiliti itu diturunkan atas penentuan estet

atau kepentingan yang terdahulu mengenai harta di bawah sesuatu penyelesaian yang berkuat kuasa sebelum tarikh pembayaran itu.

(6) Suatu akuan oleh seorang daripada beberapa orang wakil diri mengenai apa-apa tuntutan terhadap harta pusaka peribadi orang yang mati, atau terhadap apa-apa bahagian atau kepentingan di dalamnya, atau suatu pembayaran oleh seorang daripada beberapa orang wakil diri berkenaan dengan mana-mana tuntutan itu adalah mengikat harta pusaka orang yang mati itu.

(7) Dalam seksyen ini ungkapan “pengganti,” berhubungan dengan mana-mana penggadai janji atau orang yang bertanggung berkenaan dengan apa-apa hutang atau tuntutan, bererti wakil dirinya dan mana-mana orang lain yang kepadanya hak di bawah gadai janji itu atau, mengikut mana yang berkenaan, liabiliti mengenai berkenaan dengan hutang atau tuntutan itu diturunkan, sama ada atas kematian atau kebangkrapan atau pelupusan harta atau atas penentuan suatu estet atau kepentingan terhad di dalam harta yang diselesaikan atau sebaliknya.

Penangguhan tempoh had masa sekiranya terdapat fraud atau kesilapan

29. Jika, dalam mana-mana tindakan yang tempoh had masanya ditetapkan oleh Akta ini, sama ada—

- (a) tindakan itu berasaskan fraud defendan atau ejennya atau mana-mana orang yang melaluinya dia menuntut atau ejennya; atau
- (b) hak tindakan itu tersembunyi oleh fraud mana-mana orang yang tersebut dahulu; atau
- (c) tindakan itu adalah bagi relif daripada akibat sesuatu kesilapan,

tempoh had masa tidak akan bermula sehingga plaintif mengetahui tentang fraud atau kesilapan itu, mengikut mana yang berkenaan, atau mungkin akan mengetahuinya dengan usaha yang munasabah:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh membenarkan apa-apa tindakan dibawa bagi mendapat kembali, atau menguatkuasakan apa-apa gadaian terhadap, atau mengetepikan apa-apa transaksi yang melibatkan, apa-apa harta yang—

- (i) dalam hal fraud, telah pun dibeli dengan balasan bernilai oleh seseorang yang tidak menjadi pihak kepada fraud itu dan tidak pada masa pembelian tersebut mengetahui atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa sesuatu fraud telah dilakukan; atau
- (ii) dalam hal kesilapan, telah pun dibeli dengan balasan bernilai, selepas daripada transaksi dalam mana kesilapan itu dilakukan, oleh seseorang yang tidak mengetahui atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa kesilapan itu telah dilakukan.

BAHAGIAN IV

Pemakaian Akta dan enakmen had masa lain bagi timbang tara

30. (1) Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan had masa tindakan hendaklah terpakai bagi timbang tara sebagaimana ianya terpakai bagi tindakan.

(2) Walau apa pun terma dalam apa-apa penghujahan yang bermaksud bahawa tiada apa-apa kausa tindakan akan terakru berkenaan dengan mana-mana perkara yang dikehendaki oleh penghujahan itu supaya dirujuk sehingga suatu award dibuat di bawah penghujahan itu, kausa tindakan itu hendaklah, bagi maksud Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain (sama ada dalam pemakaiannya bagi timbang tara atau prosiding lain), disifatkan sebagai telah terakru berkenaan dengan mana-mana perkara sedemikian pada masa ia sepatutnya terakru jika tidak kerana terma dalam penghujahan itu.

(3) Bagi maksud Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang tersebut dahulu, suatu timbang tara hendaklah disifatkan sebagai telah bermula apabila suatu pihak pada timbang tara itu telah menyampaikan kepada pihak atau pihak-pihak yang lain itu suatu notis menghendakinya atau mereka melantik seorang penimbang tara

atau supaya bersetuju dengan pelantikan seorang penimbang tara, atau, jika penghujahan itu memperuntukkan bahawa rujukan itu hendaklah dibuat kepada orang yang dinamakan atau ditetapkan dalam penghujahan tersebut, menghendakinya atau mereka menyerahkan pertikaian itu kepada orang yang dinamakan atau ditetapkan itu.

(4) Apa-apa notis yang tersebut dahulu bolehlah disampaikan sama ada—

- (a) dengan menyerahkannya kepada orang yang hendak disampaikan notis itu; atau
- (b) dengan meninggalkannya di tempat tinggal orang itu yang biasa atau yang terakhir diketahui di Malaysia; atau
- (c) dengan menghantarkannya secara pos melalui surat berdaftar yang dialamatkan kepada orang itu di tempat tinggal biasanya atau di tempat tinggalnya yang terakhir diketahui di Malaysia,

dan juga mengikut apa-apa cara lain yang diperuntukkan dalam penghujahan itu dan jika suatu notis dihantar dengan pos mengikut cara yang ditetapkan oleh perenggan (c) subseksyen ini, penyampaian itu hendaklah, melainkan jika terbukti sebaliknya, disifatkan sebagai telah dilaksanakan pada masa surat itu sepatutnya telah diserahkan dalam perjalanan biasa pos.

(5) Jika Mahkamah Tinggi memerintahkan supaya suatu award diketepikan atau memerintahkan, selepas bermulanya sesuatu timbang tara, supaya timbang tara itu hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa berkenaan dengan pertikaian yang dirujukkan itu, Mahkamah boleh selanjutnya memerintahkan supaya tempoh di antara permulaan timbang tara itu dan tarikh perintah Mahkamah itu hendaklah dikecualikan dalam mengira masa yang ditetapkan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang tersebut dahulu bagi memulakan prosiding (termasuk timbang tara) berkenaan dengan pertikaian yang dirujukan itu.

(6) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu timbang tara di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan juga timbang tara menurut suatu penghujahan, dan subseksyen (3) dan (4) di atas

hendaklah berkuat kuasa, berhubungan dengan sesuatu timbang tara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, seolah-olah sebutan mengenai penghujahan digantikan dengan sebutan mengenai mana-mana peruntukan undang-undang atau mana-mana perintah, skim, kaedah, peraturan atau undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya yang berkaitan dengan timbang tara itu.

(7) Dalam seksyen ini ungkapan “timbang tara”, “award” dan “penghujahan” mempunyai erti yang sama seperti dalam *Akta Timbangtara 1952 [Akta 93].

Peruntukan mengenai tolakan atau tuntutan balas

31. Bagi maksud Akta ini, apa-apa tuntutan dengan cara tolakan atau tuntutan balas hendaklah disifatkan sebagai suatu tindakan berasingan dan telah bermula pada tarikh yang sama dengan tarikh tindakan yang dalamnya tolakan atau tuntutan balas itu dirayukan.

Akuiesens

32. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh apa-apa bidang kuasa ekuiti untuk menolak relif atas alasan akuiesens, *laches* atau selainnya.

Pemakaian terhadap kerajaan

33. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Akta ini dan tanpa menjejaskan peruntukan seksyen 3 Akta ini, Akta ini hendaklah terpakai bagi prosiding oleh atau terhadap Kerajaan sama caranya seperti ia terpakai bagi prosiding di antara rakyat dan bagi maksud Akta ini suatu prosiding dengan cara petisyen hak hendaklah disifatkan sebagai bermula pada tarikh petisyen itu diserahkan:

Dengan syarat bahawa Akta ini tidak terpakai bagi apa-apa prosiding oleh Kerajaan untuk mendapatkan apa-apa cukai, duti atau bunga baginya atau bagi apa-apa prosiding pelucuthakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia berhubungan dengan duti kastam atau eksais atau bagi apa-apa prosiding berkenaan dengan pelucuthakan suatu kapal.

* CATATAN— lihat Akta Timbang Tara 1952 [Akta 93] telah dimansuhkan oleh Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646] yang mula berkuat kuasa 26 Mac 2006 [P.U.(B) 65/2006]

(2) Bagi maksud seksyen ini prosiding oleh atau terhadap mana-mana Jabatan Kerajaan atau mana-mana pegawai mana-mana Kerajaan atau seseorang yang bertindak bagi pihak Kerajaan adalah disifatkan sebagai prosiding oleh atau terhadap Kerajaan.

(3) Dalam seksyen ini ungkapan “Kerajaan” hendaklah disifatkan termasuk Kerajaan mana-mana Negeri.

Peruntukan mengenai tindakan yang telah terhalang atau belum selesai

34. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini—

- (a) membolehkan dibawa apa-apa tindakan yang tindakan yang sudah telah terhalang sebelum Akta ini mula berkuat kuasa oleh mana-mana Ordinan atau Enakmen yang dimansuhkan oleh Akta ini, kecuali setakat mana kausa tindakan atau hak tindakan itu boleh dihidupkan semula oleh akuan atau pembayaran sebahagian yang dibuat menurut peruntukan Akta ini; atau
- (b) memberi kesan terhadap apa-apa tindakan atau timbang tara yang bermula sebelum Akta ini mula berkuat kuasa atau hakmilik kepada apa-apa harta yang menjadi perkara suatu tindakan atau timbang tara.

Pemansuhan

35. Ordinan dan Enakmen yang dinyatakan di dalam Jadual kepada Akta ini dimansuhkan.

36. (*Ditinggalkan*).

JADUAL

[Seksyen 35]

N.N.S. Bab 16	Enakmen Had Masa
N.M.B. Bab 18	Ordinan Had Masa
Enakmen Johor No. 23	Enakmen Had Masa
Enakmen Kelantan No. 4 Tahun 1930	Enakmen Had Masa 1930
Enakmen Kedah No. 60	Enakmen No. 60 (Had Masa)
Enakmen Trengganu No. 20 Tahun 1356	Enakmen Had Masa 1356
Enakmen Perlis No. 3 Tahun 1344	Enakmen Had Masa 1344

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 254****AKTA HAD MASA 1953****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. 332/58	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan dan Proklamasi) 1958	13-11-1958
P.U. 109/82	Perintah Penyemakan Undang-Undang (Akta Had Masa) 1982	19-11-1981

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 254

AKTA HAD MASA 1953

SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa dari

-NIL-
